

01/09/2000

Tema sambutan rapat hubungan

Mohd Fuad Razali; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis - Hari ulang tahun Kemerdekaan ke-43 disambut meriah selaras dengan tema 'Keraname Malaysia' yang dijadikan iktibar oleh rakyat pelbagai kaum untuk merapatkan barisan demi kemajuan, kemakmuran dan keharmonian negara.

Malah, buat pertama kali dalam sejarah, sambutan hari kebangsaan turut menyaksikan kehadiran pemimpin pembangkang seperti Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor dan Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw.

Acara sambutan rasmi hari ini di Dataran Shah Alam dimulakan selepas ketibaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj serta Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah, pada jam 8 pagi.

Cuaca pagi yang cerah dan suasana tenang memberi peluang kepada orang ramai berkumpul seawal jam 6 pagi di Dataran Shah Alam, untuk merayakan Hari Kebangsaan kali pertama di alaf baru ini.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri Kabinet, timbalan menteri, diplomat dan perwakilan asing.

Acara pertama sambutan hari kemerdekaan dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku oleh kumpulan koir Institut Bahasa Melayu Malaysia diiringi pancaragam Polis Diraja Malaysia.

Selepas itu, perbarisan kehormatan disertai 102 anggota lain-lain pangkat serta tiga pegawai daripada unit kawalan kehormatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi pimpinan Mejar Roslan Shah Jamaluddin yang diperiksa oleh Sultan Salahuddin.

Lima pelajar dari sekolah di sekitar Shah Alam meneruskan acara dengan bacaan ikrar Rukun Negara dan tujuh kali teriakan "Merdeka" yang turut diikuti oleh orang ramai.